



PERBADANAN BUKIT BENDERA PULAU PINANG

Tingkat 7, Bangunan PBBPP, Jalan Stesen Bukit Bendera, Ayer Itam, 11500 Pulau Pinang

No. Tel : +604-8288 880 (Hunting Line) No Faks : +604-8288 862

Laman Web : www.penanghill.gov.my

No. Ruj. Kami: **PBBPP.PM.100-2/1/3(8)**

Tarikh: 1 Februari 2019

KENYATAAN MEDIA

PBBPP Mengumumkan Harga Tiket Baru Bermula 1 April 2019

Perbadanan Bukit Bendera Pulau Pinang (PBBPP) mengumumkan harga tiket baru untuk perkhidmatan funikular bermula **1 April 2019**.

Di bawah skim baru ini, **tiket laluan normal** bagi pemegang **MyKad / MyKid / Pemegang ID** yang sah sahaja (iaitu MM2H, Permit Bekerja, Pasangan kepada Warganegara Malaysia dan lain-lain) berharga **RM12** (dewasa) dan **RM6** (untuk kanak-kanak berumur 4 hingga 12 / tiket sehalu untuk orang dewasa / warga emas berumur 60 dan ke atas). Warga emas di bawah kategori tiket ini juga boleh menggunakan laluan *fastlane*.

Pas bulanan bagi penduduk, pekerja, orang awam dan juga kategori lain tidak berubah (Sila rujuk Jadual A & Jadual B untuk harga tiket baru dan semasa).

PBBPP akan terus menyediakan tiket **percuma** kepada orang kelainan upaya (OKU) dan mengekalkan harga untuk 'Sunrise / Sunset' pada **RM3** bagi pemegang **MyKad** dan **MyKid** pada musim bukan cuti umum hujung minggu yang panjang, musim perayaan dan musim cuti persekolahan.

Promosi 'Sunrise / Sunset' akan ditetapkan pada jam 6.30 pagi hingga 8 pagi dan 7.30 malam hingga 9.45 malam. Jualan terakhir harga tiket promosi dari Stesen Bawah adalah pada jam 9.45 malam dan perkhidmatan funikular terakhir dari Stesen Atas tidak berubah iaitu pada jam 11 malam.

Harga baru ini akan dilaksanakan memandangkan peningkatan kos operasi dan kos penyelenggaraan sistem funikular dan stesen funikular serta peningkatan kemudahan infrastruktur awam dan kemudahan di kawasan puncak Bukit Bendera. Peningkatan kos ini juga disebabkan oleh nilai Ringgit yang lemah dan inflasi.

Kali terakhir perubahan harga tiket laluan normal dilaksanakan pada tahun 2015, di mana tambang untuk seorang dewasa (pemegang MyKad / Pemegang ID yang sah) dinaikkan dari



PERBADANAN BUKIT BENDERA PULAU PINANG

Tingkat 7, Bangunan PBBPP, Jalan Stesen Bukit Bendera, Ayer Itam, 11500 Pulau Pinang

No. Tel : +604-8288 880 (Hunting Line) No Faks : +604-8288 862

Laman Web : www.penanghill.gov.my

RM8 ke RM10. Pada tahun 2017, PBBPP telah menyelaraskan harga tiket 'Standard' bagi seorang dewasa iaitu dari RM60 ke RM80 dan dari RM30 ke RM40 untuk pemegang MyKad / Pemegang ID yang sah bagi laluan *Fastlane*.

PBBPP menjalankan kerja penyelenggaraan utama sebanyak dua kali setiap tahun untuk memastikan operasi, kebolehpercayaan kejuruteraan dan tahap keselamatan sistem penggera sentiasa berada dalam keadaan baik. Kebanyakan alat gantian sistem funikular diimport dari luar negara terutamanya dari negara Eropah.

Bukit Bendera menerima kira-kira dua (2) juta orang pengunjung serta penduduk tempatan setiap tahun menggunakan sistem perkhidmatan funikular, laluan jip dan melalui laluan mendaki. Pengunjung Bukit Bendera terdiri daripada pengunjung tempatan dan antarabangsa, pendaki, serta pekerja di Bukit Bendera.

PBBPP mengucapkan terima kasih kepada semua pengunjung atas sokongan berterusan kepada Bukit Bendera dan menjadikan Bukit Bendera sebagai destinasi bukit peranginan terunggul di Malaysia dan rantau ini.

PBBPP sentiasa komited terhadap pemeliharaan dan penjagaan warisan semula jadi serta sejarah Bukit Bendera melalui pemuliharaan, Pendidikan, Eko-pelancongan, Inovasi, Keselamatan dan Amalan Hijau untuk generasi akan datang.

#TAMAT#

Mengenai Perbadanan Bukit Bendera

Perbadanan Bukit Bendera telah ditubuhkan pada tahun 2009 melalui enakmen yang telah dipersetujui melalui persidangan Dewan Undangan Negeri. Tujuan utama penubuhan Perbadanan Bukit Bendera adalah untuk menguruskan perkhidmatan funikular, memulihara dan membangunkan Bukit Bendera sebagai destinasi eko-pelancongan utama dan visinya adalah menjadikan Bukit Bendera sebagai destinasi bukit peranginan terunggul di Malaysia dan di rantau ini.

Media Contact

Chris Koay
Perbadanan Bukit Bendera
Tel: 04-828 8880
shkoay@penanghill.gov.my

Lee Shew Yean
Perbadanan Bukit Bendera
Tel: 04-828 8880
sylee@penanghill.gov.my

Izatul Aziah Ismail
Perbadanan Bukit Bendera
Tel: 04-828 8880
izatul@penanghill.gov.my

Jadual A: Harga Tiket Baharu bermula 1 April 2019

No	Kategori Tiket	Mykad / MyKid / MM2H / Pemegang ID Yang Sah*		Standard	
		Harga Biasa	Harga 'Fastlane'	Harga Biasa	Harga 'Fastlane'
		RM	RM	RM	RM
1.	Dewasa	12.00	40.00	30.00	80.00
2.	Tiket Sehala (Dewasa)	6.00	25.00	15.00	45.00
3.	Warga Emas (Usia ≥ 60 tahun) (Subject to Proof of Age)	6.00	6.00	30.00	60.00
4.	Kanak – Kanak (Umur 4 – 12 tahun)	6.00	20.00	15.00	40.00
5.	Orang Kelainan Upaya (OKU)	PERCUMA			
6.	Sunrise/Sunset**	3.00	N/A	N/A	N/A

Nota:

Harga tiket yang **dihitamkan** adalah harga tiket baru.

- 1) ****Pemegang ID yang sah** termasuk MM2H, Pemegang Permit Bekerja, Pasangan kepada warganegara Malaysia dan lain-lain.
- 2) **** Harga promosi 'Sunrise / Sunset'** hanya untuk pemegang MyKad / MyKid sahaja.
 - Pada masa kini, harga promosi 'Sunrise / Sunset' adalah pada 6.30 pagi hingga 9.00 pagi dan 7.00 malam hingga 10.30 malam.
 - Bermula **1 April 2019**, waktu harga promosi 'Sunrise / Sunset' adalah pada 6.30 pagi hingga 8.00 pagi dan 7.30 malam hingga 9.45 malam.
 - Harga promosi 'Sunrise / Sunset' **tidak ditawarkan** pada cuti umum hujung minggu yang panjang, musim perayaan, musim cuti persekolahan dan musim puncak yang ditetapkan oleh pihak PBBPP.
 - Sila rujuk kalender operasi di lawan sesawang PBBPP: <http://www.penanghill.gov.my>.
- 3) Harga dan syarat-syarat tertakluk kepada perubahan tanpa notis terlebih dahulu.
- 4) Semua harga tiket bagi kategori lain termasuk pas bulanan kekal/tidak berubah.

Jadual B: Harga Tiket Semasa (Sehingga 31 Mac 2019)

No	Kategori Tiket	Mykad / MyKid / Pemegang ID yang Sah*		Standard	
		Harga Biasa	Harga 'Fastlane'	Harga Biasa	Harga 'Fastlane'
		RM	RM	RM	RM
1.	Dewasa	10.00	40.00	30.00	80.00
2.	Tiket Sehala (Dewasa)	5.00	25.00	15.00	45.00
3.	Warga Emas (Usia ≥ 60 tahun) (Subject to Proof of Age)	5.00	5.00	30.00	60.00
4.	Kanak – Kanak (Umur 4 – 12 tahun)	5.00	20.00	15.00	40.00
5.	Orang Kelainan Upaya (OKU)	PERCUMA			
6.	Sunrise/Sunset**	3.00	N/A	N/A	N/A

Nota:

- 1) ****Pemegang ID yang sah** termasuk MM2H, Pemegang Permit Bekerja, Pasangan kepada warganegara Malaysia dan lain-lain.
- 2) ** Harga promosi '**Sunrise / Sunset**' hanya untuk pemegang MyKad / MyKid sahaja.
 - Pada masa kini, harga promosi '**Sunrise / Sunset**' adalah pada 6.30 pagi hingga 9.00 pagi dan 7.00 malam hingga 10.30 malam.
 - Bermula **1 April 2019**, waktu harga promosi '**Sunrise / Sunset**' adalah pada 6.30 pagi hingga 8.00 pagi dan 7.30 malam hingga 9.45 malam.
 - Harga promosi '**Sunrise / Sunset**' **tidak ditawarkan** pada cuti umum hujung minggu yang panjang, musim perayaan, musim cuti persekolahan dan musim puncak yang ditetapkan oleh pihak PBBPP.
 - Sila rujuk kalender operasi di lawan sesawang PBBPP: <http://www.penanghill.gov.my>.
- 3) Harga dan syarat-syarat tertakluk kepada perubahan tanpa notis terlebih dahulu.